

Headline **PIBG disyor promosi hidup sihat**
Date **28 Jun 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Negara**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **12**
Article Size **512 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **4,452**
PRValue **13,355**



PIBG disyor promosi hidup sihat

ZULKIFLI MANZOR



BENTONG - Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah di seluruh negara disaran membantu Kementerian Kesihatan mempromosi gaya hidup sihat di kalangan masyarakat termasuk program Fiesta Jom Sihat - Hidup Sungguh Bermakna.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Rashid Shirlin berkata, Fiesta Jom Sihat yang julung-julung kali di-

adakan oleh PIBG di Sekolah Menengah Teknik Tengku Ampuan Afzan (SMTTAA) di sini dilihat berupaya menjadi platform bagi menyampaikan mesej Kementerian.

"Melalui fiesta seperti ini juga PIBG akan dapat mendekatkan orang ramai dengan Kementerian dan agensi kesihatan khususnya dalam aspek pencegahan penyakit di kalangan rakyat" katanya pada sidang akhbar majlis penutup fiesta di sini semalam.

Fiesta Jom Sihat yang diadakan selama dua hari itu sejak Sabtu lalu dirasmikan oleh Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai.

Selain PIBG, fiesta yang mendapat kerjasama Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia dan Kelab Progran Sihat Tanpa AIDS untuk Remaja (Prostar) Malaysia itu juga ditaja oleh Perbadanan Nasional Berhad, Bank Rakyat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pasar Raya Carrefour, Koperasi Ukhwah dan syarikat jualan langsung Hai-O.

Ia turut dimeriahkan dengan beberapa artis terkenal tanah air antaranya Farah Asyikin, Watie Elite, Farahwahida, Roslan

Shah, Azza Elite, Rizal AF5, Fazli Zainal, dan Wana.

Turut diadakan ialah pertandingan Rentap Futsal *Kosmo!* Edisi Daerah Bentong.

Rosnah berkata, selain PIBG, pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) turut digalakkan menghulur kerjasama dalam menjayakan fiesta tersebut yang dirancang diadakan di seluruh negara selepas ini.

Sementara itu, pertandingan akhir Rentap Futsal *Kosmo!* Edisi Daerah Bentong di sini juga menyaksikan pasukan futsal Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menggondol gelaran juara.

Kejayaan tersebut melayakkan pasukan futsal tersebut membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000 manakala naib juara pertandingan, Dani Playground dari Kuala Lumpur menerima wang tunai RM1,500.



(Atas) ROSNAH (belakang, empat dari kanan) bergambar bersama pemenang Rentap Futsal *Kosmo!* pada Fiesta Jom Sihat di SMTTAA di Bentong semalam.

Headline **PIBG disyor promosi hidup sihat**
Date **28 Jun 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Negara**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **12**
Article Size **512 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **4,452**
PRValue **13,355**

(Kanan) SEBAHAGIAN daripada kanak-kanak yang menyertai pertandingan melukis anjuran Kelab Nuri Bank Rakyat sempena Fiesta Jom Sihat.



KONSERT *Pancaindera* antara program menarik sempena Fiesta Jom Sihat di SMTAA, Bentong semalam.

Headline **PIBG disyor promosi hidup sihat**
Date **28 Jun 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Negara**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **12**
Article Size **512 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **4,452**
PRValue **13,355**

Apa kata mereka



“ Saya bangga fiesta ini diadakan di sekolah kami kerana dapat mengeratkan hubungan pelajar di sekolah kami selain mendapat pelbagai maklumat kesihatan ”

**NOR AFIKAH
NORMAN, 16**
Pelajar SMTTAA

“ Pertandingan Rentap Futsal *Kosmo!* berjaya menarik penyertaan ramai dan perlu diadakan sekerap mungkin untuk menggalakkan gaya hidup sihat ”

**ROMAINO MOHD.
YUSOFF, 46**
Pengadil Rentap Futsal *Kosmo!* Edisi daerah Bentong.



“ Selain pelbagai aktiviti yang disusun termasuk persembahan artis terkenal, pemeriksaan kesihatan percuma adalah antara tarikan yang wajib ada pada fiesta seperti ini ”

AZIZAH ALWAN, 46
Kerani Akaun.

“ Fiesta seperti ini perlu kerap diadakan bagi mempromosi gaya sihat terutama di kalangan rakyat dan pelajar-pelajar sekolah kerana itu adalah tarikan ke sini ”

**NORAZMAN
YUSOF, 27**
Peniaga

